

22/01/2001

Shahrizat tumpu tiga bidang utama

Azrina Ahzan

KUALA LUMPUR, Ahad - Kementerian Hal Ehwal Wanita akan memberi tumpuan kepada tiga bidang dalam usaha membantu meningkatkan martabat dan kedudukan wanita di negara ini, kata menterinya, Datuk Shahrizat Abdul Jalil.

Shahrizat berkata, tiga bidang berkenaan ialah polisi dan peraturan, kempen kesedaran dan penganjuran pelbagai program dengan badan bukan kerajaan (NGO) berhubung isu yang membabitkan kaum wanita.

"Kementerian baru ini akan berusaha mewujudkan satu polisi dan peraturan yang membawa kebaikan dan membantu lebih ramai wanita dalam memperjuangkan haknya.

"Selain itu, usaha juga akan dibuat bagi meningkatkan pengetahuan kaum wanita khususnya mengenai isu membabitkan hak perundangan mereka supaya masalah keganasan terhadap wanita dapat dikurangkan," katanya kepada pemberita pada Majlis Jalinan Muhibbah Wanita 2001 di sini hari ini.

Sehubungan itu, katanya, kerjasama daripada NGO amat diperlukan untuk menganjurkan pelbagai program terbabit untuk meningkatkan kedudukan dan martabat kaum wanita.

Sementara itu, mengulas mengenai memorandum yang akan dihantar oleh Biro Tindakan Khas berhubung isu penyeragaman undang-undang syariah, Shahrizat berkata, usaha yang dijalankan biro berkenaan amat dialu-alukan selaras dengan kewujudan kementeriannya.

"Kementerian Hal Ehwal Wanita ini diwujudkan khas untuk kaum wanita dan ia memerlukan kerjasama daripada NGO dan aktivis wanita bagi memastikan kejayaannya.

"Lagipun masalah syariah ini bukanlah baru namun dengan adanya kementerian baru ini, saya harap isu ini akan diberi perhatian lebih oleh kerajaan," katanya.

Biro Tindakan Khas (BTS) baru-baru ini mengadakan pertemuan khas dengan beberapa badan bukan kerajaan (NGO) wanita bagi menari penyelesaian berhubung isu penyeragaman undang-undang syariah.

Pengerusinya yang juga Ahli Majlis Tertinggi Umno, Azalina Othman berkata, mesyuarat berkenaan diadakan bagi mendapatkan input serta maklum balas berhubung pelbagai kes nikah cerai yang tertanggung akibat kelewatan penyeragaman undang-undang itu.

Azalina berkata, hasil maklum balas itu, satu memorandum akan diserahkan kepada Menteri Hal Ehwal Wanita dan Majlis Raja-raja dalam usaha mempercepatkan penyeragaman itu.

Mengulas mengenai pelantikannya sebagai Menteri Hal Ehwal Wanita, katanya, satu pertemuan akan diadakan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi mendapatkan garis panduan mengenai kementerian berkenaan.

Bagaimanapun, Shahrizat berkata, beliau yakin Bahagian Hal Ehwal Wanita (Hawa) yang sebelum ini di bawah Jabatan Perdana Menteri akan menjadi nadi utama kementerian baru berkenaan.

(END)